



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI AGENSI NEGERI MELAKA TAHUN 2020 SIRI 1**

1. Pengauditan terhadap aktiviti agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi Negeri Melaka telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada **25 Julai 2022**.

3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi Negeri Melaka**

Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Audit Negara Negeri Melaka seperti berikut:

#### **3.1.1. Pengurusan Tanah Agensi Negeri Melaka**

- a. Pengauditan prestasi ini telah dilaksanakan di tiga agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka.
- b. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan aktiviti tanah bagi tiga agensi di negeri Melaka telah memberi pulangan dan hasil yang memuaskan selaras dengan objektif penubuhan agensi. Bagaimanapun, aktiviti usaha sama tanah dengan syarikat swasta tidak memuaskan kerana projek lewat disiapkan menyebabkan agensi lewat menerima pulangan atau balasan yang ditetapkan. Selain itu, sistem yang diguna pakai

untuk merekodkan inventori tanah belum boleh digunakan sepenuhnya secara optimum.

4. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan tiga syor di dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi Negeri Melaka.
  
5. LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada **25 Julai 2022**. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai **25 Julai 2022** selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

25 Julai 2022 M

25 Zulhijjah 1443 H